

# Kedaulatan negara masih terpelihara

Malaysia sudah dapat perintah penggantungan penguatkuasaan 'final award'

SHAH ALAM

Kerajaan Malaysia berjaya mendapatkan perintah perundangan pada Selasa apabila Mahkamah Rayuan Paris membenarkan permohonan Malaysia untuk mengantungi penguatkuasaan *final award* bertarikh 28 Februari 2022.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kesan daripada perintah penggantungan yang dikeluarkan Mahkamah Rayuan Paris itu, *final award* tidak boleh dikuatkuasakan di mana-mana negara.

Beliau berkata, penggantungan itu sehingga keputusan muktamad oleh Mahkamah Paris berkenaan permohonan pembatalan *final award* yang dibuat kerajaan Malaysia.

"*Final award* yang dikeluarkan Dr Gonzalo Stampa (Perintah Penggantungan) berikutan tuntutan pihak-pihak yang mendakwa sebagai waris dan *successors-in-interest* kepada Sultan Jamalul Kiram II (penuntut) melalui satu prosiding timbang tara antarabangsa di Madrid, Sepanyol.

"Asas keputusan Mahkamah Rayuan Paris adalah *final award* tersebut akan menjejaskan kekebalan kedaulatan Malaysia.

"Perintah penggantungan itu hasil daripada pelbagai tindakan perundangan diambil kerajaan Malaysia bermula dari tuntutan tersebut difailkan bagi menamatkan segala tuntutan dan memastikan agar kepentingan, kekebalan kedaulatan dan kedaulatan Malaysia sentiasa dilindungi serta terpelihara," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Wan Junaidi menjelaskan, pada 11 Julai lalu, dua syarikat subsidiari Petronas di Luxembourg dimaklumkan mengenai penguatkuasaan *final award* melalui penyerahan notis yang dikeluarkan Mahkamah Luxembourg.

Bagaimanapun, katanya, Petronas sebagai sebuah syarikat akan mengambil tindakan perundangan yang perlu untuk

mempertahankan kedudukannya di bawah undang-undang.

"Kerajaan Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan tersebut dan tidak pernah mengetepikan kekebalan kedaulatannya sebagai sebuah negara berdaulat. Berikutan itu, kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan-tindakan perundangan di Madrid, Sepanyol.

"Ini termasuk membuat permohonan bagi pengiktirafan serta penguatkuasaan perintah deklarasi dan injunksi bagi memberhentikan prosiding timbang tara di Sepanyol yang telah dikeluarkan Mahkamah Tinggi Sabah pada 14 Januari 2020, iaitu permohonan bagi membatalkan pelantikan penimbang tara dan permohonan untuk mengetepikan *Partial Award on Jurisdiction* bertarikh 25 Mei 2020 dikeluarkan Dr Stampa," jelasnya.

Jelas Wan Junaidi, berikutan tindakan-tindakan perundangan yang diambil kerajaan Malaysia, Mahkamah Tinggi Madrid, Sepanyol pada 29 Jun 2021 telah membatalkan pelantikan penimbang tara Dr Stampa dan memutuskan semua prosiding timbang tara serta apa-apa keputusannya termasuk *final award* adalah tidak sah, terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang.

Menurutnya, Dr Stampa juga tidak menghormati dan tidak mempedulikan keputusan-keputusan Mahkamah di Madrid, sebaliknya memindahkan tempat prosiding timbang tara (*seat of arbitration*) ke Paris.

"Pada 29 September 2021, pihak penuntut telah memperoleh *Perintah Exequatur* secara *ex parte* daripada Tribunal de Grande Instance di Paris, Perancis yang telah mengiktiraf *partial award* yang dikeluarkan pada 25 Mei 2021 dan dengan itu membenarkan Dr Stampa memindahkan tempat prosiding timbang tara ke Paris.

"Kerajaan Malaysia telah mencabar *Perintah Exequatur* yang diperoleh secara *ex parte* tersebut dan berjaya memperoleh perintah penggantungan bertarikh 16 Disember 2021 daripada *First President of the Paris Court of Appeal*," katanya.

Pada masa sama, prosiding jenayah terhadap Dr Stampa juga difailkan kerajaan Malaysia bagi kesalahan menghina mahkamah di Mahkamah Jenayah di Madrid dan prosiding itu masih berjalan.

Jelasnya, berikutan kejayaan mendapatkan perintah penggantungan *final award* pada 12 Julai, kerajaan Malaysia sedang membuat persiapan rapi untuk pendengaran bagi pembatalan *final award* yang mana tarikhnya belum ditetapkan.



# LOKASI ASET PETRONAS SELURUH DUNIA

SUMBER: LAPORAN BERSEPADU PETRONAS 2020

## EROPAH

### HULUAN

- Ireland
- Finland
- Perancis
- Georgia
- Jerman
- Greece
- Hungary
- Iceland

### HILIRAN

- Albania
- Andorra
- Austria
- Azerbaijan
- Belarus
- Belgium
- Bosnia-Herzegovina
- Bulgaria
- Croatia
- Cyprus
- Republik Czech
- Denmark
- Estonia

### GAS DAN TENAGA BAHARU

- United Kingdom

### PROJEK PENGHANTARAN DAN TEKNOLOGI

- Itali

## AFRIKA

### HULUAN

- Chad
- Mesir
- Gabon
- Gambia
- Mauritania
- Republik Sudan Selatan
- Republik Sudan
- Senegal
- Lesotho
- Libya
- Madagascar
- Mauritius
- Namibia
- Afrika Selatan
- Republik Sudan Selatan
- Swaziland
- Togo
- Tunisia

### HILIRAN

- Republik Demokratik Congo
- Angola
- Botswana
- Burkina Faso
- Burundi
- Cameroon
- Cote d'Ivoire
- Mesir
- Habsyah
- Guinea

### GAS DAN TENAGA BAHARU

- Mesir

### PROJEK PENGHANTARAN DAN TEKNOLOGI

- Mesir
- Mauritania
- Republik Sudan Selatan

## ASIA PASIFIK

### HULUAN

- Australia
- Brunei
- Indonesia
- Malaysia
- Myanmar
- Vietnam
- Filipina
- Singapura
- Korea Selatan
- Sri Lanka
- Taiwan
- Thailand
- Vietnam

### HILIRAN

- Australia
- Bangladesh
- Brunei
- Kemboja
- China
- Fiji
- Hong Kong
- India
- Indonesia
- Jepun
- Malaysia
- Maldives
- Myanmar
- Nepal
- New Zealand
- Papua New Guinea

### GAS DAN TENAGA BAHARU

- Australia
- China
- India
- Indonesia
- Jepun
- Malaysia
- Thailand
- Korea Selatan

### PROJEK PENGHANTARAN DAN TEKNOLOGI

- Brunei
- Indonesia
- Myanmar
- Malaysia

## ASIA TENGAH

### HULUAN

- Azerbaijan
- Turkmenistan
- Turkmenistan
- Turkmenistan
- Uzbekistan

### HILIRAN

- Armenia
- Kazakhstan
- Kyrgyzstan

### PROJEK PENGHANTARAN DAN TEKNOLOGI

- Turkmenistan

## AMERIKA UTARA

### HULUAN

- Kanada
- Mexico
- Amerika Syarikat

### GAS DAN TENAGA BAHARU

- Kanada

### PROJEK PENGHANTARAN DAN TEKNOLOGI

- Kanada

## AMERIKA LATIN

### HULUAN

- Argentina
- Brazil
- Suriname
- El Salvador
- Guatemala
- Guyana
- Haiti
- Honduras
- Nicaragua
- Panama
- Paraguay
- Peru
- Suriname
- Uruguay

### HILIRAN

- Argentina
- Brazil
- Belize
- Bolivia
- Chile
- Columbia
- Costa Rica
- Republik Dominican
- Ecuador

### PROJEK PENGHANTARAN DAN TEKNOLOGI

- Turkmenistan

## ASIA BARAT

### HULUAN

- Iraq
- Oman
- Bahrain
- Iraq
- Jordan
- Kuwait
- Lebanon
- Oman

- Palestin
- Qatar
- Arab Saudi
- Turkiye
- Emiriah Arab Bersatu

### PROJEK PENGHANTARAN DAN TEKNOLOGI

- Iraq



**HULUAN:** Melibatkan projek cari gali, pembangunan dan pengeluaran  
**HILIRAN:** Petrokimia, peruncitan, penapisan, minyak pelincir dan pemasaran